



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	28/3/2021	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Harimau kumbang 52 kg masuk perangkap

**REMAU** – Penduduk Kampung Solok Baing, Kendong, di sini boleh menarik nafas lega selepas seekor harimau kumbang jantan yang mengganggu kehidupan mereka sejak Januari lalu berjaya ditangkap Rabu lalu.

Pengarah Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun berkata, haiwan liar itu telah masuk perangkap yang dipasang pihaknya pada 15 Januari lalu.

Katanya, pemasangan jerat itu susulan aduan daripada penduduk kampung mengenai harimau kumbang jantan itu yang ditemui berkeliaran di


sekitar kampung tersebut.

“Operasi tangkapan harimau kumbang jantan seberat 52 kilogram (kg) melibatkan 10 kakitangan Perhilitan negeri.

“Pemeriksaan kesihatan mendapati hidupan liar itu berada dalam keadaan sihat dan akan dilepaskan ke habitat asalnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, harimau kumbang berkenaan akan diberi rawatan oleh pegawai veterinar Perhilitan sebelum dilepaskan di kawasan pelindungan.

Sebelum ini, seekor harimau kumbang yang mengganggu penduduk di Kampung Ulu Nuri, Johol berjaya ditangkap awal bulan lalu.



**TANGKAP** layar seekor harimau kumbang jantan di Kampung Solok Baing, Kendong, Rembau, Rabu lalu.